



**GARIS PANDUAN**

---

**MENAMAI  
SYARIKAT,  
BANGUNAN,  
KAWASAN PERUMAHAN,  
TEMPAT AWAM  
dan  
JALAN**



**GARIS PANDUAN**

---

**MENAMAI  
SYARIKAT,  
BANGUNAN,  
KAWASAN PERUMAHAN,  
TEMPAT AWAM  
dan  
JALAN**

*(Penerjemahan)*

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
1996

Cetakan Pertama 1996  
© Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia 1996

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundungan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Garis panduan menamai syarikat, bangunan, kawasan perumahan, tempat awam dan jalan.

(Siri pedoman bahasa)

ISBN 983-62-5197-9

1. Corporations--Name--Handbooks, manuals, etc.
2. Buildings--Name--Handbooks, manual, etc.     3. Housing--Name--Handbooks, manuals, etc.     4. Public spaces--Name--Handbooks, manuals, etc.     5. Roads--Name--Handbooks, Manual, etc.     1. Siri.

929.97

M 845524 ✓

Dicetak oleh

Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka  
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS  
Ampang/Hulu Kelang  
Selangor Darul Ehsan

M  
929.97  
JAR

1 MAR 1997  
Perpustakaan Negara

## KANDUNGAN

<i>Kata Alu-Aluan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan</i>	vii
<i>Prakata</i>	ix
Garis Panduan Menamai Syarikat, Bangunan, Kawasan Perumahan, Tempat Awam dan Jalan	1
<i>Lampiran 1</i>	
Huraian Ringkas Istilah Jenis dan Judul Bangunan, Kawasan Perumahan, Tempat dan Jalan	13
<i>Lampiran 2</i>	
Contoh Penamaan Bangunan, Kawasan Perumahan, Tempat Awam dan Jalan	21
<i>Lampiran 3</i>	
Contoh Penamaan Syarikat dan Perniagaan	27
<i>Lampiran 4</i>	
Contoh Nama Tempat yang Sedia Ada yang Berdasarkan Unsur Tempatan	33
<i>Lampiran 5</i>	36
Senarai nama berdasarkan unsur yang berikut:	
1. Nama Buah-buahan	37
2. Nama Bunga dan Pokok Hias	39
3. Nama Palma	46
4. Nama Pokok Hutan	48
5. Nama Burung	66

6. Nama Haiwan	71
7. Nama Ikan Air Tawar	74
8. Nama Hidupan Laut/Ikan Laut	77
9. Nama Tarian	81
10. Nama Permainan Rakyat	83
11. Nama Silat dan Istilah yang Berkaitan	85
12. Nama Peralatan Tradisional	86
13. Nama Alat Muzik Tradisional	88
14. Nama Senjata Tradisional	90
15. Nama Tokoh dalam Sejarah dan Sastera	92
16. Nama Tempat Sejarah	94
17. Nama Batu-Batuan dan Mineral	95
18. Nama Pekerjaan	97
19. Nama Bintang/Astronomi	99
20. Kata-kata Sastera/Klasik	101
<i>Rujukan</i>	107

## **KATA ALU-ALUAN**

### **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**


Nama menjadi jati diri bagi sesuatu. Penamaan dapat dianggap sebagai seni yang melibatkan beberapa aspek bahasa seperti semantik, morfologi dan fonologi, selain aspek budaya, sejarah dan ketampilan kata. Sesiapa sahaja dapat menamai sesuatu tetapi tidak semua orang mempunyai kreativiti untuk memberikan nama yang indah dan berkesan.

Pada pendapat saya, nama yang berasaskan budaya tempatan setanding dengan nama-nama antarabangsa dan boleh mendapat tempat jika kita bersungguh-sungguh berusaha memperkenalkannya. Contohnya *Saga*, *Wira*, *Perdana*, *Kencil* dan *Anakku* kini kian mendapat tempat pengguna tempatan dan antarabangsa. Nama seperti ini sepatutnya diberikan keutamaan bagi menamai barang-barang keluaran kita, lebih-lebih lagi bagi bangunan, tempat awam, kawasan perumahan dan syarikat yang sememangnya untuk rakyat dan pengguna negara ini. Kita harus berbangga dengan budaya kepunyaan kita.

Justeru, usaha Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan buku *Garis Panduan Menamai Syarikat, Bangunan, Tempat Awam, Kawasan Perumahan dan Jalan* yang disertai dengan senarai nama yang terpilih merupakan usaha yang baik dan dialu-alukan. Penerbitan ini dapat membantu pihak kami dan pihak-pihak lain yang berkenaan yang ingin menamai sesuatu dengan nama tempatan. Saya pasti kata yang disenaraikan dan panduan yang diberikan akan dapat dimanfaatkan untuk mencipta nama yang indah dan sesuai untuk membina jati diri dan citra negara melalui nama. Usaha ini adalah selaras dengan matlamat Wawasan

2020 Kerajaan untuk menjadikan Malaysia negara maju yang berjati diri sendiri.

Sekian, terima kasih.



**DATO' DR. TING CHEW PEH**

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan,  
MALAYSIA.

## PRAKATA

Dengan terbitnya buku kecil *Garis Panduan Menamai Syarikat, Bangunan, Kawasan Perumahan, Tempat Awam dan Jalan* ini maka bertambahlah satu lagi terbitan dalam siri panduan penggunaan bahasa Melayu yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Mudah-mudahan buku kecil ini dapat membantu para pengguna bahasa Melayu ke arah penggunaannya yang betul dan berkesan, sesuai dengan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara.

Garis panduan ini merupakan hasil Jawatankuasa Khas Penelitian Penggunaan Bahasa Melayu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang ditubuhkan bersama-sama khas oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) setelah mengadakan beberapa pertemuan untuk meningkatkan penggunaan bahasa Melayu yang betul, indah dan berkesan pada papan tanda dan papan nama syarikat di kawasan pentadbirannya.

Pada mulanya, garis panduan ini dibuat dengan tujuan untuk membantu pihak DBKL menamai bangunan, taman perumahan, tempat awam dan jalan. Memandangkan konsep dan proses penamaan syarikat dan perniagaan agak sama, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka mencadangkan supaya panduan ini diluaskan ruang lingkup penggunaannya untuk menamai syarikat dan perniagaan, untuk membantu orang ramai membaiki pemaparan penggunaan bahasa Melayu yang menjolok mata.

Dalam panduan ini, beberapa istilah bahasa Melayu untuk istilah Inggeris yang kini sering digunakan telah dicadangkan, iaitu "persantaian" bagi *resort*, "pura" atau "puri" bagi *court*, dan tumpuan

bagi *point*. Perkataan *persantaian* dipilih memandangkan bahawa *resort* bukan setakat tempat peranginan sahaja seperti yang kita ketahui sebelum ini; *resort* kini merupakan tempat rekreasi atau tempat rehat yang lengkap dengan kemudahan riadah seperti kolam renang dan padang golf selain tempat penginapan. Pura atau puri dicadangkan memandangkan *court* digunakan untuk bangunan bertingkat-tingkat atau kawasan perumahan yang moden dan canggih yang bercirikan kota, berpagar dan berpengawal keselamatan. Manakala, perkataan *tumpuan* dicadangkan untuk *point* memandangkan perkataan ini telah lama digunakan seperti pada frasa *tumpuan minggu*, *tumpuan pembeli*, *tumpuan saudagar*, dan *tumpuan tentera*.

Sebahagian besar, contoh yang terdapat dalam panduan ini merupakan contoh sebenar tetapi setengah-setengahnya telah dibetulkan ejaan atau tatabahasanya atau terjemahan perkataannya supaya sesuai dengan matlamat panduan ini. Umpamanya, perkataan *sri* menjadi *seri*, *bistari* menjadi *bestari*, *Kasim Restoran* menjadi *Restoran Kasim*, *Juara Akademi* menjadi *Akademi Juara*, dan *Berkat Minimarket* menjadi *Pasar Mini Berkat*.

Garis panduan ini telah dikemukakan kepada Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan Pejabat Pendaftaran Syarikat dan Pejabat Pendaftaran Perniagaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, untuk mendapatkan pandangan dan ulasan pihak mereka. Pandangan dan teguran mereka telah dipertimbangkan untuk memperlengkap panduan ini. Untuk memudahkan dan membantu para pengguna, sebanyak 20 senarai nama yang berdasarkan unsur tempatan telah dimuatkan pada Lampiran 5 buku ini.

Kami mengucapkan terima kasih kepada pihak DBKL, Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Pendaftaran Syarikat dan Pejabat Pendaftaran Perniagaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, dan pihak-pihak lain yang telah bekerjasama memberikan sumbangan dan buah fikiran untuk menghasilkan garis panduan ini. Selain itu kami juga mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Penyediaan Nama Indah DBP yang telah memberikan kerjasama untuk menyenaraikan nama berdasarkan unsur tempatan yang telah ditetapkan. Kami juga mengalu-

alukan sebarang teguran dan cadangan yang membina daripada orang ramai yang cinta dan bangga dengan bahasa Melayu bagi membaiki kelemahan yang ada dan memantapkan panduan ini.

**HAJI A. AZIZ BIN DERAMAN**

Ketua Pengarah

Januari 1996



**GARIS PANDUAN  
MENAMAI  
SYARIKAT, BANGUNAN,  
KAWASAN PERUMAHAN,  
TEMPAT AWAM DAN JALAN**

## **1. NAMA GARIS PANDUAN**

Garis Panduan ini dinamai sebagai *Garis Panduan Menamai Syarikat, Bangunan, Kawasan Perumahan, Tempat Awam dan Jalan*.

## **2. TUJUAN**

Garis panduan ini disediakan dengan tujuan seperti yang berikut:

- (a) Untuk memperlengkap mana-mana undang-undang kecil atau akta yang berkaitan dengan perkara dalam garis panduan ini yang menegaskan supaya penggunaan bahasa Melayu diutamakan, termasuk Seksyen 22, *Akta Syarikat 1965* dan *Warta Kerajaan Persekutuan, Bil. 4180, Akta Syarikat 1965 (AKTA 125)*;
- (b) Untuk memastikan penggunaan bahasa Melayu meluas bagi nama syarikat, bangunan, kawasan perumahan, tempat awam dan jalan dalam kawasan pihak berkuasa tempatan;
- (c) Untuk memastikan penggunaan bahasa Melayu yang selaras, betul dan berkesan, termasuk pempararannya, dalam kawasan pihak berkuasa tempatan;
- (d) Untuk memastikan kawasan yang ditadbir oleh pihak berkuasa tempatan benar-benar memperlihatkan jati diri negara melalui penggunaan bahasa kebangsaan dan kebudayaan kebangsaan; dan

- (e) Untuk membantu kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan pihak-pihak lain yang berkaitan, seperti Pejabat Pendaftaran Syarikat dan Pejabat Pendaftaran Perniagaan memberikan cadangan nama syarikat, pertubuhan, bangunan, perniagaan, tempat awam dan sebagainya.

### 3. SUMBER PENAMAAN

Penamaan hendaklah menggunakan perkataan tempatan yang tidak bertentangan dengan perlombongan, undang-undang, dan kepercayaan agama mana-mana suku kaum di negara kita, yang ringkas, mudah diucapkan, sedap didengar, tidak berkonotasi negatif seperti *Taman Durhaka*, *Wisma Beku*, dan *Ekspres Kepala Angin* dan bermakna positif dan tepat, seboleh-bolehnya yang telah terakam dalam *Kamus Dewan*. Nama, terutama nama syarikat dan perniagaan, tidak boleh menggunakan perkataan yang dilarang oleh *Warta Kerajaan Malaysia, Bil. 4180, Akta Syarikat 1965 (Akta 125)*. Bagi nama yang terdiri daripada jenis perniagaan, perkataan atau istilah yang digunakan hendaklah terdiri daripada istilah yang dicipta dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, dan apabila istilah itu tidak terdapat dalam mana-mana terbitan buku istilahnya, hendaklah dibentuk mengikut prosedur pembentukan istilah dalam buku *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*.

#### 3.1 Panduan untuk Memilih Perkataan

- 3.1.1 Menggunakan perkataan yang biasa atau lazim digunakan oleh pengguna. Contohnya:

*Ekspres Kota*  
*Jalan Ikatan*  
*Syarikat Usaha Niaga Benar*  
*Taman Indah*  
*Wisma Maju*

- 3.1.2 Menggunakan perkataan yang berunsurkan konsep Rukun Negara tetapi aktivitinya hendaklah tidak bertentangan dengan makna perkataan tersebut, iaitu:

(a) Kepercayaan kepada tuhan. Contohnya:

*Ekspres Restu*  
*Jalan Setia*  
*Kompleks Iman*  
*Wisma Murni*

(b) Kesetiaan kepada raja dan negara. Contohnya:

*Ekspres Maharani*  
*Kondominium Puteri*  
*Jalan Raja Muda*  
*Syarikat Usaha Dagang Mahkota*  
*Taman Nusa*  
*Dataran Merdeka*

(c) Keluhuran perlembagaan. Contohnya:

*Bangunan Rukun*  
*Bengkel Kitu*  
*Jalan Tenteram*  
*Pangsapuri Bersatu*  
*Syarikat Pengangkutan Aman*  
*Wisma Muhibah*

(d) Kedaulatan undang-undang. Contohnya:

*Jalan Bestari*  
*Menara Arif*  
*Taman Saksama*

(e) Kesopanan dan kesusilaan. Contohnya:

*Ekspres Murni*  
*Kedai Dobi Jujur*  
*Restoran Mesra*  
*Sabun Jelita*  
*Taman Mulia*

3.1.3 Menggunakan perkataan yang berunsurkan kebudayaan Malaysia, seperti yang digariskan dalam Dasar Kebudayaan Malaysia, iaitu kebudayaan rakyat asal rantau ini; agama Islam sebagai teras kebudayaan; dan unsur kebudayaan lain yang sesuai. Contohnya:

*Ekspres Budaya*  
*Jalan Gasing*  
*Kompleks Naga Sakti*

*Taman Seni Negara*  
*Wisma Songket*

- 3.1.4 Menggunakan perkataan yang berunsurkan kewiraan.  
Contohnya:

*Ekspres Jebat*  
*Kopi Tuah*  
*Menara Perkasa*  
*Syarikat Wira*  
*Taman Pahlawan*  
*Wisma Sateria*

- 3.1.5 Menggunakan perkataan yang berunsurkan tokoh, tokoh sejarah tempatan atau nama tempatan atau alam tempatan seperti tumbuh-tumbuhan, hasil bumi dan lain-lain.  
Contohnya:

*Bengkel Motor Wong (Wong – pemunya)*  
*Ekspres Nilam (Nilam – batu permata)*  
*Ekspres Jebat (Jebat – tokoh)*  
*Jalan Hang Li Po (Hang Li Po – tokoh sejarah)*  
*Jalan Kinabalu (Kinabalu – nama gunung)*  
*Kedai Jahit Ali (Ali – pemunya)*  
*Kompleks Pandan (Pandan – nama tempat dan pokok)*  
*Syarikat Kopi Tuah (Hang Tuah – tokoh)*  
*Syarikat Mutiara Timur (Mutiara – sejenis batu permata)*  
*Taman Tun Dr. Ismail (Tun Dr. Ismail – tokoh negarawan)*  
*Taman Titiwangsa (Titiwangsa – nama banjaran)*  
*Taman Zamrud (Zamrud – batu permata)*

#### 4. KAEDAH PENAMAAN

##### 4.1 *Nama Khas Mengikuti Jenis dan Judul Tempat*

Nama khas yang dipilih hendaklah diletakkan selepas nama jenis atau judul tempat, iaitu jenis atau judul bagi syarikat, bangunan, kawasan perumahan, tempat awam dan jalan. Contohnya:

Ekspres Perkasa (**bukan** *Perkasa Ekspres*)  
Kedai Kek Jaya (**bukan** *Kedai Jaya Kek*)  
Kompleks Pertama (**bukan** *Pertama Komplek*)  
Kondominium Mutiara (**bukan** *Mutiara Kondominium*)  
Restoran Tanjung (**bukan** *Tanjung Restoran*)  
Tomyam Ali (**bukan** *Ali Tomyam*)

4.1.1 Antara nama jenis dan judul bangunan, kawasan perumahan, tempat awam dan jalan adalah seperti yang berikut:

(a) **Jenis Bangunan**

arked	kondominium	pura
bangunan	menara	puri
bar	mercu	pusat
bazar	motel	restoran
bengkel	pangsapuri	rumah inapan
emporium	pasar	rumah pangsa
gedung	pasar mini	rumah rehat
gerai	pasar raya	rumah tumpangan
hotel	peristirahatan	salon
inapan	(lounge)	salun
kafe	persantaian	tesak
kafeteria	(resort)	tumpuan
kedai	plaza	vila
kelab	pub	warung
kompleks	puncak	wisma

(b) **Jenis Kawasan Perumahan**

desa	medan	taman perindustrian
kampung	perkampungan	
lamau	taman	

(c) **Jenis Tempat Awam**

air terjun	medan pejalan	persantaian
danau	kaki	(resort)
dataran	pantai	persiaran
hutan lipur	peranginan	taman
lata	(resort)	tasik
medan	percutian	
medan bersiar	(resort)	

(d) **Jenis Jalan**

bulatan	lebuhraya	persimpangan
jalan	lengkok	persimpangan
jalan raya	lingkungan	bertingkat
jambatan	lintang	rua
jejambat	lintasan	simpangan
jejantas	lorong	solok
laluan	pekeliling	terowong
lebuhraya	persiaran	

(Takrif ringkas istilah-istilah ini terdapat pada Lampiran 1.)

**4.2 Bentuk Perkataan untuk Penamaan**

Kata yang dipilih boleh dalam bentuk kata dasar, kata terbitan atau kata gabungan.

**4.2.1 Kata Dasar**

Kata dasar, tanpa apa-apa imbuhan, boleh digunakan jika sesuai. Contohnya:

*Ekspres Indah  
Jalan Tenteram  
Taman Putera  
Wisma Pahlawan*

**4.2.2 Kata Terbitan**

Kata terbitan atau kata berimbuhan boleh digunakan jika sesuai. Contohnya:

*Bangunan Persekutuan  
Bengkel Warisan  
Ekspres Sinaran  
Syarikat Wawasan  
Wisma Perpaduan*

Walaupun kata terbitan boleh dipilih tetapi tidak banyak kata seumpama ini dapat mewujudkan nama yang indah. Justeru, kata terbitan hanya digunakan apabila perlu sahaja. Contohnya:

Taman Duta Impian (**bukan** Taman Duta *Impi*)  
Taman Perpaduan (**bukan** Taman *Padu* bagi maksud bersatu)  
Taman Warisan (**bukan** Taman Waris)

- 4.2.3 Rangkai kata yang dibentuk boleh terdiri daripada kata dasar atau sebaliknya atau kata terbitan dengan kata terbitan dengan kata dasar atau kata dasar dengan kata terbitan. Contohnya:

Kedai Bunga *Seri Pagi Indah*  
Kondominium *Mega Biru*  
Taman *Putera Jaya*  
Taman *Sinar Harapan*  
Taman *Sinaran Pagi*  
Taman *Sinaran Harapan*

#### 4.3 Nama dengan Perkataan yang Indah

- 4.3.1 Perkataan yang indah mempunyai makna yang baik dan sesuai dengan jenis dan judul, dan jika perkataan itu mempunyai sinonim atau kelainan bentuk, perkataan atau bentuk yang ringkas, mudah disebut dan sedap didengar hendaklah diberikan keutamaan. Contohnya:

Menara Desa (**lebih baik** daripada *Menara Kampung*)  
Mercu Sateria (**lebih baik** daripada *Mercu Sateria Pahlawan*)  
Pangsapuri Seri Wangsa (**lebih baik** daripada *Pangsapuri Seri Bangsa*)

Namun, perkataan yang boleh menimbulkan maksud yang bertentangan dengan akidah agama Islam hendaklah dihindarkan, walaupun perkataan itu sedap didengar kecuali bagi nama tempat ibadah penganut agama tertentu selain Islam. Contohnya:

Wisma Seri Dewi – (sesuai untuk nama bangunan yang berkaitan dengan agama Hindu)

- 4.3.2 Perkataan yang indah mempunyai kesesuaian rima, mudah disebut dan sedap didengar. Contohnya:

Menara *Seri Angkasa*  
Peristirahatan *Kelana*

Restoran *Selera Utara*  
Taman *Cempaka*

- 4.3.3 Perkataan yang indah sesuai dengan kegunaan dan fungsi jenis dan judul yang dinamai. Contohnya:

**Balai Seni Negara** – sesuai apabila tempat itu tempat mengadakan aktiviti seni atau mempamerkan karya seni, tetapi tidak sesuai untuk tempat menjual dan mempamerkan komputer

**4.4 Asas Penggabungan Kata**

- 4.4.1 Nama boleh dibentuk daripada gabungan kata atau rangkai kata, tetapi hendaklah mematuhi **hukum D-M** (diterangkan - menerangkan), yakni kata inti atau kata yang perlu ditegaskan diikuti dengan kata yang menerangkannya. Contohnya:

Klinik Pakar Akupunktur Cina (**bukan** Klinik  
*Pakar Cina Akupunktur*)  
Kondominium Mutiara (**bukan** Mutiara  
*Kondominium*)  
Sate Kajang (**bukan** Kajang Satay)  
Hotel Murni (**bukan** Murni Hotel)

- 4.4.2 Nama yang terdiri daripada dua kata sifat biasanya boleh juga ditukargantikan kedudukannya sesuai dengan makna yang dikehendakinya. Contohnya:

Taman *Setia Jaya* (*Setia* yang diutamakan)  
Taman *Jaya Setia* (*Jaya* yang diutamakan)

Walau bagaimanapun, dua kata nama tidak semestinya boleh ditukargantikan kedudukannya untuk memberikan makna yang sesuai dan munasabah. Contohnya:

- (1a) Menara *Kota Impian*  
(*betul*, kota yang diutamakan, kota yang diimpikan atau diingini)

- (1b) Menara *Impian Kota*  
*(betul, impian yang diutamakan, menara yang diimpikan atau diingini oleh warga kota)*
- (2a) Kondominium Puteri Bangsar  
*(tetapi Kondominium Bangsar Puteri tidak boleh kerana perkataan puteri mengikuti kata nama tempat, tidak sama dengan kata nama biasa seperti Tanjung Puteri)*

4.4.3 Nama berbentuk gabungan kata dapat dibentuk dengan beberapa cara:

- (a) Beranalogikan bentuk yang sedia ada dalam bahasa Melayu. Contohnya:

**Seri Muka** *menghasilkan*

Seri Damansara  
Seri Indah  
Seri Murni  
Seri Perdana

**Bandar Maharani** *mengasilkan*

Bandar Damansara  
Bandar Muazam Shah  
Bandar Tasik Selatan

- (b) Meluaskan kata menjadi kata gabungan terbitan. Contohnya:

**Cheras** *menjadi*

Cheras Baru  
Cheras Indah  
Cheras Perdana  
Cheras Utama

**Selayang** *menjadi*

Selayang Bahagia  
Selayang Indah  
Selayang Pandang  
Selayang Perdana  
Selayang Utama

Bentuk ini juga boleh dikembangkan dengan

menambahkan kata penerang yang sesuai lagi pada hujung gabungan kata tersebut. Contohnya:

**Cheras Indah** *menjadi*

Cheras Indah Perdana

Cheras Indah Utama

**Cheras Perdana** *menjadi*

Cheras Perdana Pura

Cheras Perdana Timur

**Selayang Indah** *menjadi*

Selayang Indah Bahagia

Selayang Indah Kencana

Selayang Indah Utama

- 4.4.4 Perkataan pada gabungan kata bagi nama yang mempunyai unsur makna jamak, walaupun tidak salah, tidak perlu digandakan kerana tanpa menggandakannya sudah memadai untuk menunjukkan jamak. Contohnya:

Kedai Barang Logam Jati

(**bukan** Kedai *Barang-Barang Logam Jati*)

Kompleks Pejabat Kerajaan

(**bukan** *Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan*)

Pusat Alat Sukan Kencana

(**bukan** *Pusat Alat-alat Sukan Kencana*)

Walau bagaimanapun, terdapat perkataan yang sememangnya berbentuk ganda. Kata seumpama ini mestilah dikekalkan bentuknya. Contohnya:

Taman Kanak-Kanak Sayang

(**bukan** *Taman Kanak Sayang*)

Taman Kupu-Kupu

(**bukan** *Taman Kupu*)

Taman Kura-Kura

(**bukan** *Taman Kura*)

#### 4.5 *Nama dengan Singkatan*

Pembentukan nama dengan akronim dibolehkan, tetapi tidak digalakkan. Singkatan hendaklah dibentuk dengan sistematik atau dapat memperlihatkan rangkaian kata asalnya, iaitu huruf yang

diambil sebaik-baiknya terdiri daripada huruf awal perkataan bagi rangkai kata yang sepenuhnya menjadi singkatan yang dilafazkan seperti kata jati atau dilafazkan sebagai huruf. Contohnya:

**Taman TAB**

(bagi Tengku Ariff Bendahara)

**Petronas**


(bagi Perbadanan Petroleum Nasional)

**Wisma Mara**

(bagi Majlis Amanah Rakyat)

**MPSA**

(bagi Majlis Perbandaran Shah Alam)



## LAMPIRAN 1

### HURAIAN RINGKAS ISTILAH JENIS DAN JUDUL BANGUNAN, KAWASAN PERUMAHAN TEMPAT DAN JALAN

Huraian Ringkas bagi Istilah pada 4.1.1

**air terjun**

Bahagian sungai yang berbeza aras dan menyebabkan aliran airnya jatuh.

**arked**

Lorong tertutup yang kiri kanannya terdapat kedai kecil, atau kawasan tertutup yang di dalamnya terdapat banyak kedai dan gerai.

**bangunan**

Struktur binaan setingkat atau bertingkat-tingkat yang menjadi tempat tinggal atau menempatkan unit tempat tinggal atau pejabat dan lain-lain secara umum.

**bar**

Kedai minum yang menyediakan dan menjual minuman keras.

**bazar**

Kelompok kedai kecil tempat menjual pelbagai jenis barang.

**bengkel/woksyop**

Tempat membuat sesuatu kerja khusus, seperti membaiki kenderaan, membuat perabot, dan lain-lain.

**bulatan**

Simpang jalan yang terdiri daripada jalan berbentuk pusingan.

**danau**

*lihat:* tasik

**dataran**

Padang atau lapangan yang dijadikan tempat tumpuan pengunjung.

**desa**

Kawasan perumahan.

**emporium**

Kedai besar yang menjual berbagai-bagai jenis barang termasuk makanan, pakaian, peralatan dapur, peralatan sukan dan lain-lain.

**gedung**

Kedai besar tempat menjual sesuatu barang khusus atau beraneka barang.

**gerai**

Kedai kecil bersifat sementara tempat menjual berbagai-bagai jenis barang atau makanan.

**hotel**

Tempat penginapan yang menyediakan makanan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain, biasanya untuk orang luar yang berkunjung ke tempat itu.

**hutan liper**

Kawasan hutan yang dijadikan tempat rekreasi.

**inapan/rumah inap/rumah tumpangan**

Tempat penginapan yang hanya menyediakan tempat bermalam kepada orang yang berkunjung ke sesuatu tempat, biasanya tidak sebesar atau selengkap motel.

**jalan**

Tempat lalu lintas (kenderaan atau manusia) yang dibina daripada batu dan tar, tanah merah dan lain-lain. Di kawasan perumahan, biasanya dibezaikan antara lorong dengan jalan dari segi saiz atau kegunaannya.

**jalan raya**

Jalan yang lebih lebar dan panjang daripada jalan biasa.

**jambatan**

Struktur yang dibina merentangi sungai, lurah atau lain-lain untuk kegunaan lalu lintas kenderaan dan manusia.

**jejambat**

Jambatan yang melintasi lurah, jalan raya, dan sebagainya.

**jejantas**

Jejambat untuk orang yang berjalan kaki melintas, biasanya dibina di atas jalan raya yang sibuk.

**kafe**

Kedai kecil yang menjual minuman dan makanan ringan.

**kafeteria**

Restoran layan diri yang biasanya terdapat di kompleks.

**kampung**

Kawasan perumahan yang biasanya di kawasan luar bandar.

**kedai**

Bangunan tempat menjual sesuatu.

**kelab**

Bangunan untuk kegunaan sekumpulan orang, biasanya ahli, dengan sesuatu tujuan sosial atau rekreasi yang sama.

**kompleks**

Kumpulan bangunan yang terdiri daripada beberapa binaan yang bercantum menjadi satu keseluruhan atau satu bangunan besar yang terdiri daripada banyak ruang untuk sesuatu aktiviti yang sama, seperti pejabat, pusat beli-belah, dan sukan.

**kondominium**

Pangsapuri yang pemiliknya mempunyai hak milik yang sepenuhnya bagi unitnya, tetapi berkongsi milik tapak bangunannya, dan biasanya mempunyai kemudahan eksklusif seperti kolam renang, pekarangan berpagar atau berpengawal dan lain-lain.

**laluan**

1. Lintasan. 2. Tempat kenderaan atau orang ramai lalu-lalang.

**laman**

Kawasan perumahan.

**langgak**

Jalan yang mendaki.

**lata**

Kawasan air terjun yang tegak tetapi rendah.

**lebuh**

Jalan yang dipagari pokok atau yang menghalau ke sesuatu bangunan dari jalan utama atau jalan di bandar besar yang agak lebar dan menarik.

**lebuh raya**

Jalan raya utama terus di antara satu tempat atau bandar dengan tempat atau bandar yang lain, kini biasanya lebar dan terdiri daripada beberapa lorong dan berpembahagi jalan.

**lengkok**

Jalan yang bengkok.

**lingkungan**

*lihat:* pekeliling.

**lintang**

Jalan yang merentasi sesuatu kawasan.

**lintasan**

Tempat orang ramai menyeberangi jalan atau kenderaan rel merentasi jalan/jalan raya.

**lorong**

Jalan yang kecil, biasanya simpang daripada jalan biasa atau jalan raya dan mati di hujungnya seperti yang terdapat di kawasan bandar dan taman perumahan.

**medan**

Padang atau lapangan atau kawasan yang lebih kecil saiznya daripada dataran yang menempatkan sesuatu kegiatan untuk awam, seperti medan letak kereta, medan pejalan kaki, medan selera dan medan bersiar.

**medan bersiar**

Medan tempat orang bersiar atau mengambil angin.

**medan pejalan kaki**

Medan yang dikhaskan untuk orang berjalan kaki sahaja.

**menara**

Bangunan tinggi yang melebihi 20 tingkat atau bangunan bertingkat yang nyata tertinggi dan bertingkat-tingkat dalam sesuatu kompleks.

**mercu**

Bahagian teratas bangunan yang tinggi.

**motel (*motor hotel*)**

Tempat penginapan (asalnya untuk pelancong berkenderaan) yang menyediakan kemudahan letak kereta berhampiran dengan bilik penyewa.

**pangsapuri**

Rumah pangsa mewah dan biasanya tingginya tidak melebihi 10 tingkat. Contohnya, Pangsapuri Saujana, Pangsapuri Cheras.

**pantai**

Tepi laut, biasanya tempat berkelah atau peranginan

**pasar**

Bangunan atau kelompok gerai, tempat menjual atau berjual-beli barang-barang keperluan, biasanya keperluan harian.

**pasar mini**

Kedai moden yang tidak berapa besar yang menjual barang-barang makanan (biasanya dalam tin, bungkusan dan lain-lain) dan barang-barang keperluan harian secara layan diri.

**pasar raya**

Kedai besar yang menjual berbagai-jenis barang seperti makanan, pakaian, peralatan dapur, peralatan sukar, barang makanan basah (ikan dan sayur-sayuran) dan sebagainya mengikut bahagian dan secara layan diri. Contohnya, Pasar Raya Koperasi, Pasar Raya Teguh.

**pekeliling/lingkungan**

Jalan yang membentuk atau hampir membentuk satu bulatan.

**peranginan/percutian/persantaian (*resort*)**

Tempat rehat awam yang pengunjungnya terbuka kepada ahli dan bukan ahli. Contohnya, Persantaian Desa dan Persantaian Desa Saujana.

**percutian**

*lihat:* peranginan.

**peristirahatan (*lounge*)**

Ruang tempat istirahat yang biasanya ada muzik.

**persiaran**

1. Tempat atau jalan untuk bersiar-siar.
2. Jalan raya dalam kawasan perumahan.

**persimpangan/persimpangan bertingkat**

Simpang yang kompleks pada jalan raya sibuk atau lebuh raya.

**plaza**

Bangunan beli-belah di bandar. Contohnya, Plaza Bukit Bintang, Plaza Lebuh Raya, Plaza Pudu.

**pub**

Kedai yang menyediakan dan menjual minuman keras dan makanan ringan (kadangkala disertai dengan hiburan muzik).

**puncak**

Bangunan tinggi yang terletak di tempat tinggi.

**pura/puri (*court*)**

Bangunan atau sekelompok bangunan kediaman yang kawasannya berpagar/bertembok bak kota atau istana. Contohnya, Puri Kejora.

**pusat**

Tempat atau kedai besar yang menyediakan pelbagai kemudahan atau barang jualan, seperti pusat sukan, pusat belia, pusat beli-belah, dan pusat seni.

**restoran**

Kedai makan atau minum yang bersifat kekal. Contohnya, Restoran Bilal, Restoran Seri Melayu, Restoran Rasa Sayang.

**rua**

Jalan kecil.

**rumah inapan**

*lihat:* inapan

**rumah pangsa**

Bangunan bertingkat-tingkat yang mengandungi unit milik individu yang berlainan dan, biasanya mempunyai kemudahan asas sahaja.

**rumah rehat**

Rumah penginapan untuk pengunjung/pelawat berehat atau bermalam yang lengkap dengan tempat makan dan biasanya dikendalikan oleh pihak berkuasa.

**rumah tumpangan**

*lihat:* inapan.

**salon**

Kedai perniagaan yang khusus sifatnya, seperti salon gunting rambut dan salon persolekan.

**salun**

Dewan untuk kegunaan sosial seperti di hotel.

**simpang**

Tempat jalan bercabang atau berpisah daripada jalan yang utama.

**solok**

Kawasan lurah atau jalan di kawasan lurah.

**taman**

1. Kawasan perumahan yang terancang yang lengkap dengan kedai, sekolah dan kemudahan-kemudahan lain.
2. Kawasan semula jadi buatan atau asli yang dijadikan tempat bersiar-siar atau tumpuan pengunjung, seperti taman bunga, taman laut, taman lipur, dan taman rimba.

**taman perindustrian**

Taman yang menempatkan pelbagai industri.

**tasik**

Kawasan berair yang dalam atau agak dalam, biasanya dijadikan tempat awam sebagai taman.

**terowong**

Jalan atau laluan yang berupa tebukan, biasanya pada bukit.

**tesak**

lihat: pusat.

**tumpuan (*point*)**

Kompleks perniagaan yang menjadi kunjungan orang atau dianggap sebagai pusat. Contohnya, Tumpuan Ampang, Tumpuan Kota, Tumpuan Pusat.

**vila**

Kediaman yang mempunyai ciri rumah desa yang nyaman dan tenang yang jauh dari kebingaran kota. Contohnya, Vila Saujana.

**warung**

Kedai kecil tempat menjual makanan dan minuman yang dimakan atau diminum di situ atau dibawa pulang. Contohnya, warung kopi, warung kek.

**wisma**

Bangunan yang tersendiri yang di dalamnya terdapat ruang pejabat, kedai dan lain-lain dan dimiliki oleh seseorang empunya utama. Contohnya, Wisma Getah Asli, Wisma Genting, Wisma Pahlawan, Wisma Peladang, Wisma Perangsang.

## LAMPIRAN 2

### CONTOH PENAMAAN BANGUNAN, KAWASAN PERUMAHAN, TEMPAT AWAM DAN JALAN

Contoh nama bangunan, kawasan perumahan, tempat awam dan jalan yang telah digunakan di Malaysia yang dianggap memenuhi kriteria penamaan yang baik.

#### 1. *Nama Bangunan*

Bangunan Angkasa Raya  
Bangunan Cahaya Suria  
Bangunan Sultan Abdul Halim  
Bangunan Sultan Abdul Samad  
Bangunan Tabung Haji  
Bangunan Tun Abdul Razak  
Bangunan Tunas Utama

Dewan Budaya  
Dewan Jubli Intan  
Dewan Merdeka  
Dewan Tun Hussein Onn  
Dewan Tun Dr. Ismail

Hospital Bahagia  
Hospital Mata Tun Hussein  
Hospital Permai  
Hospital Tengku Ampuan Rahimah  
Hospital Tun Fatimah  
Hotel Asia  
Hotel Dayang  
Hotel Istana  
Hotel Mahawangsa

Hotel Panorama  
Hotel Pelangi  
Hotel Rasa Sayang  
Hotel Warisan

Istana Anak Bukit  
Istana Bukit Kayangan  
Istana Kenangan  
Istana Seri Menanti

Kompleks Angkasapuri  
Kompleks Antarabangsa  
Kompleks Damai  
Kompleks Dayabumi  
Kompleks Wilayah  
Kompleks Pertama

Menara Cenderawasih  
Menara Dato' Onn  
Menara Impian  
Menara Indah  
Menara Jentayu

Panggung Radin  
Pawagam P. Ramlee  
Pawagam Sentosa  
Plaza Bukit Bintang  
Plaza Pekeliling  
Plaza Perangsang  
Pusat Belia Antarabangsa  
Pusat Dagangan Dunia Putra

Tumpuan Ampang  
Tumpuan Kota  
Tumpuan Nadi

Vila Desa  
Vila Duta  
Vila Saujana  
Vila Wangsa

Wisma Batik  
Wisma Bukit Mata Kuching  
Wisma Bunga Raya  
Wisma Datuk Dagang

Wisma Desa  
Wisma Nusantara  
Wisma Pahlawan  
Wisma Peladang  
Wisma Persekutuan  
Wisma Yakin

2. *Nama Kawasan Perumahan*

Kondominium Bintang Timur  
Kondominium Mutiara  
Kondominium Seri Puteri  
Kondominium Tiara  
  
Pangsapuri Intan  
Pangsapuri Kenanga  
Pangsapuri Mahsuri  
Pangsapuri Nuri  
Pangsapuri Puteri  
Pangsapuri Seroja  
  
Taman Angsana  
Taman Cempaka  
Taman Cendana  
Taman Desa  
Taman Indah  
Taman Kota  
Taman Mutiara  
Taman Pelangi  
Taman Setiawangsa  
Taman Suria  
Taman Tenggara

3. *Nama Tempat Awam*

Lapangan Terbang Bayan Lepas  
Lapangan Terbang Mat Sirat  
Lapangan Terbang Subang  
Lata Berangin  
Lata Hujan  
  
Medan Selera  
Medan Perwira  
Medan Kelana

Medan Bandar  
Medan Selera Tanjung  
Medan Tuanku  
Medan Pasar  
Medan Tembaga  
Medan Penaga  
Medan Maktab

Pantai Bisikan Bayu  
Pantai Cahaya Bulan  
Pantai Dasar  
Pantai Irama  
Pantai Merdeka  
Pantai Pandan  
Pantai Seri Tujuh  
Pantai Teluk Mahkota

Taman Bandar  
Taman Medan Bentara  
Taman Merdeka  
Taman Negara  
Taman Sekebun Bunga  
Taman Seni Budaya  
Taman Tasik Biru  
Taman Tasik Perdana  
Taman Tasik Permaisuri  
Taman Tasik Titiwangsa  
Tasik Dayang Bunting  
Tasik Kenyir  
Tasik Melati  
Tasik Perdana  
Tasik Permai

#### 4. *Nama Jalan*

Bulatan Merdeka  
Bulatan Tun Razak  
  
Jalan Awan Biru  
Jalan Berangan  
Jalan Beringin  
Jalan Bunga Cina

Jalan Cendana  
Jalan Damai  
Jalan Dahlia  
Jalan Delima  
Jalan Inai  
Jalan Raja  
Jalan Restu  
Jalan Seribu Tahun

Lebuh Ampang  
Lebuh Pasar  
Lebuh Pudu  
Lebuh Raya Mawar  
Lebuh Raya Persekutuan  
Lebuh Raya Sultan Azlan Shah  
Lebuh Raya Timur Barat  
Lebuh Raya Utara Selatan  
Lengkok Aminuddin Baki  
Lengkok Za'ba  
Lingkungan Budi  
Lingkungan Desa  
Lingkungan Mata Air  
Lintang Jelai  
Lintang Kenari  
Lintang Muda  
Lintang Murai  
Lintasan Badam  
Lintasan Hujan  
Lintasan Hujan Emas  
Lorong Awan  
Lorong Cantik  
Lorong Dendang Laut  
Lorong Halia  
Lorong Kandis  
Lorong Labis  
Lorong Pandangan  
Lorong Sentosa  
Lurah Tunku

Persiaran Kayangan  
Persiaran Ledang

Persiaran Perbandaran

Persiaran Raja Muda

Persiaran Terasik

Solok Besi

Solok Bunga Raya

Solok Kelicap

Solok Perak

Solok Raja

Solok Sempadan

Solok Tambun

Solok Tangkak

Solok Tembaga

### **LAMPIRAN 3**

#### **CONTOH PENAMAAN SYARIKAT DAN PERNIAGAAN**

##### **1. *Nama dengan Barang***

Aksesori Kereta Jaya Sdn. Bhd.

Akustik Kuasa Kita Sdn. Bhd.

Alat Ganti Auto Makmur Sdn. Bhd.

Alat Tulis Nanyang

Aluminium Sdn. Bhd.

Aneka Hiasan Sdn. Bhd.

Barang Logam Sejati Sdn. Bhd.

Bukuku Sdn. Bhd.

Cenderamata Bagus Sdn. Bhd.

Elektrik dan Elektronik Unggul Sdn. Bhd.

Foto Ekspres

Hiasan Dalam Sdn. Bhd.

Kredit Wilayah Sdn. Bhd.

Lampu Jasa Bintang Sdn. Bhd.

Lampu Kini Sdn. Bhd.

Lori Malaysia Sdn. Bhd.

Makanan Laut Juara

Marmar Langkawi Sdn. Bhd.

Medan Letak Kereta Dinamik Sdn. Bhd.

Pelancongan Abadi Sdn. Bhd.

Pelancongan Aneka Sukma Sdn. Bhd.  
Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.  
Percetakan Ekspres  
Perisian Canggih Sdn. Bhd.  
Perkhidmatan Kren Molek Sdn. Bhd.  
Perkakasan Komputer Sdn. Bhd.  
  
Roti Sedap Sdn. Bhd.  
  
Sate Aneka  
Sate Kajang  
Servis dan Tayar Silverstone Sdn. Bhd.  
  
Tayar Plus Sdn. Bhd.  
Tayar Lim Sdn. Bhd.

2. *Nama dengan Bank*

Bank Buruh Bhd.  
Bank Industri Malaysia Bhd.  
Bank Islam Malaysia Bhd.  
Bank Pembangunan Malaysia Bhd.  
Bank Pertanian Malaysia  
Bank Rakyat  
Bank Simpanan Nasional

3. *Nama dengan Bengkel*

Bengkel Cat Kereta Azam  
Bengkel Faundri Jitu  
Bengkel Indah  
Bengkel Kereta Pakar  
Bengkel Kerja Logam  
Bengkel Motor Cekap  
Bengkel Motor Wong  
Bengkel Motosikal Tekun  
Bengkel Servis Kereta Mahir

4. *Nama dengan Ekspres*

Ekspres Edaran  
Ekspres Indah  
Ekspres Jebat  
Ekspres Kota  
Ekspres Langkawi  
Ekspres Nasional

Ekspres Rakyat  
Ekspres Raya  
Ekspres Restu  
Ekspres Seri Bentan  
Ekspres Seri Mutiara  
Ekspres Setia  
Ekspres Wawasan Mesra

5. *Nama dengan Gerai*

Gerai Aiskrim Lazat  
Gerai Barang Kulit Unggul  
Gerai Buah-buahan Segar  
Gerai Kudapan Asli  
Gerai Makan Kassim  
Gerai Minum Kok Weng  
Gerai Nasi Ayam Selia  
Gerai Seri Desa  
Gerai Tomyam Seri Enak

6. *Nama dengan Hotel*

Hotel Aman  
Hotel Arif  
Hotel Awana  
Hotel Orkid  
Hotel Perdana  
Hotel Samudera  
Hotel Seri Bayu  
Hotel Seri Legenda  
Hotel Seri Pelangi  
Hotel Temenggung  
Hotel Wilayah

7. *Nama dengan Institusi Pengajian*

Akademi Muzik Harmoni  
Akademi Filem,Malaysia  
Institut Jasa  
Institut Kejuruteraan Gombak  
Institut Memandu Megah Wangsa  
Institut Suria  
Institut Teknologi Jaya

Institut Teknologi Tun Abdul Razak  
Institut Trengkas Malaysia

Kolej Aman  
Kolej Damansara Utama  
Kolej Rima  
Kolej Tuanku Abdul Rahman

Sekolah Jahit Jelita  
Sekolah Memandu Permata  
Sekolah Memandu Seri Andalas  
Sekolah Muzik Pandan Jaya  
Sekolah Seni Tari Ayu  
Sekolah Seri Inai

Tadika Intan  
Tadika Rasa Sayang  
Yayasan Anda

#### 8. *Nama dengan Kedai*

Kedai Buku Tekun  
Kedai Emas Kinta Jaya  
Kedai Emas Seri Pandan  
Kedai Gambar Johan  
Kedai Jahit Ah Fatt  
Kedai Jahit Profesional  
Kedai Runcit Jimat  
Kedai Runcit Mawar  
Kedai Runcit Selamat

#### 9. *Nama dengan Klinik*

Klinik Bunga Raya  
Klinik dan Surgeri Putera  
Klinik Ibu Kota  
Klinik Kanak-kanak Pandan  
Klinik Keluarga  
Klinik Kita  
Klinik Negara  
Klinik Pergigian Pertama  
Klinik Pergigian Setapak  
Klinik Pergigian Wilayah

Klinik Wanita Taman Tun Dr. Ismail

Poliklinik Kota

Poliklinik Segambut

Poliklinik Taman Cheras

10. *Nama dengan Pasar Mini*

Pasar Mini Aneka

Pasar Mini Azam

Pasar Mini Bersatu

Pasar Mini Mewah

Pasar Mini Muhibah

Pasar Mini Puas

Pasar Mini Tanjung

Pasar Mini Yakin

11. *Nama dengan Pasar Raya*

Pasar Raya 2020

Pasar Raya Bintang

Pasar Raya Fajar

Pasar Raya Keramat

Pasar Raya Koperasi Malaysia Sdn. Bhd.

Pasar Raya Mulia

Pasar Raya Puas

Pasar Raya Saga

Pasar Raya Warisan

Pasar Raya Wawasan

12. *Nama dengan Restoran*

Restoran Aneka

Restoran Bahagia

Restoran Bunga Raya

Restoran Hebat

Restoran Khazanah Bahari

Restoran Puspa Rasa

Restoran Rasa Sayang

Restoran Restu

Restoran Seri Puteri

Restoran Suka Ramai

Restoran Samudera

Restoran Tasik

Restoran Waspada

*Perbadanan Misi*

13. *Nama dengan Syarikat*

Syarikat Alat Tani Sdn. Bhd.  
Syarikat Bunga Segar Sdn. Bhd.  
Syarikat Bina Teguh Sdn. Bhd.  
Syarikat Kaca Rapi Sdn. Bhd.  
Syarikat Kereta Muda Sdn. Bhd.  
Syarikat Kimia Tani Sdn. Bhd.  
Syarikat Motor Wong Seng Sdn. Bhd.  
Syarikat Takar Emas Sdn. Bhd.  
Syarikat Tekstil Rupawan Sdn. Bhd.  
Syarikat Tunas Muda Sdn. Bhd.

14. *Nama Tanpa Perkataan Syarikat*

Alam Bestari Sdn. Bhd.  
Bicara Suci Sdn. Bhd.  
Ehsan Aktif Sdn. Bhd.  
Gamitan Juta Sdn. Bhd.  
Kurnia Utara Sdn. Bhd.  
Impian Unik Sdn. Bhd.  
Nirwana Gemilang Sdn. Bhd.  
Pelangi Agresif Sdn. Bhd.  
Perabot Mewah Sdn. Bhd.  
Pustaka Muzik  
Pustaka Cendekia  
Pustaka Cipta Sdn. Bhd.  
Pustaka Ilmu  
Pustaka Sistem Sdn. Bhd.  
Suria Melor Sdn. Bhd.  
Suasana Unggul Sdn. Bhd.  
Talam Sdn. Bhd.  
Tanjak Bina Sdn. Bhd.  
Titian Jati Sdn. Bhd.  
Tunas Budi Sdn. Bhd.  
Wawasan Bestari Sdn. Bhd.

## LAMPIRAN 4

### CONTOH NAMA TEMPAT YANG SEDIA ADA YANG BERDASARKAN UNSUR TEMPATAN

Nama yang disenaraikan ini telah disesuaikan dengan sistem ejaan baharu. Walau bagaimanapun penggunaan ejaan yang sahih haruslah dirujuk kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan yang berkenaan.

#### a) Tumbuh-tumbuhan

<i>Alur Janggus</i>	<i>Kampung Cendana</i>
<i>Alur Setar</i>	<i>Kampung Pandan</i>
<i>Asam Jawa</i>	<i>Keluang</i>
<i>Asam Kumbang</i>	<i>Kemaman (Maman)</i>
<i>Bacang</i>	<i>Kerian</i>
<i>Beruas</i>	<i>Kuang</i>
<i>Binjai</i>	<i>Kucing</i>
<i>Bukit Bangkung</i>	<i>Labu</i>
<i>Bukit Kemuning</i>	<i>Lubuk Kelubi</i>
<i>Bukit Ubi</i>	<i>Lukut</i>
<i>Cangkat Jering</i>	<i>Macang</i>
<i>Durian Daun</i>	<i>Mata Kucing</i>
<i>Durian Tipus</i>	<i>Melaka</i>
<i>Durian Tunggal</i>	<i>Merlimau</i>
<i>Gedangsa</i>	<i>Pantai Kundur</i>
<i>Ijuk</i>	<i>Pekan Nanas</i>
<i>Ipuh</i>	<i>Permatang Pauh</i>
<i>Jelai</i>	<i>Petaling</i>
<i>Jelutung</i>	<i>Pokok Asam</i>
<i>Jeram</i>	<i>Pokok Mangga</i>

<i>Pokok Sena</i>	<i>Sungai Burung</i>
<i>Pulai</i>	<i>Sungai Lang</i>
<i>Pulau Pinang</i>	<i>Sungai Siput</i>
<i>Renggam</i>	<i>Sungai Udang</i>
<i>Ru Rendang</i>	<i>Sungai Ular</i>
<i>Salak</i>	<i>Tanjung Piandang</i>
<i>Sendayan</i>	<i>Tanjung Sepat</i>
<i>Sentul</i>	
<i>Sepang</i>	<b>c) Benda Tampak</b>
<i>Serdang</i>	<i>Batu Arang</i>
<i>Sungai Ara</i>	<i>Batu Kikir</i>
<i>Sungai Bernam</i>	<i>Batu Rakit</i>
<i>Sungai Kangkung</i>	<i>Batu Talam</i>
<i>Sungai Keladi</i>	<i>Bidur</i>
<i>Sungai Lalang</i>	<i>Cincin</i>
<i>Sungai Manggis</i>	<i>Pasir Mas (emas)</i>
<i>Sungai Nibung</i>	<i>Perak</i>
<i>Sungai Nipah</i>	<i>Pulau Jerjak</i>
<i>Sungai Petai</i>	<i>Taman Berlian</i>
<i>Sungai Rambai</i>	<i>Teluk Intan</i>
<i>Sungai Serai</i>	<i>Rawang</i>
<i>Sungai Sirih</i>	<i>Jeram</i>
<i>Tampoi</i>	
<i>Tanjung Bidara</i>	<b>d) Sifat atau fenomena</b>
<i>Tanjung Bunga</i>	<i>Air Hitam</i>
<i>Tanjung Rambutan</i>	<i>Air Jernih</i>
<i>Tanjung Ru</i>	<i>Air Kuning</i>
<i>Tanjung Tualang</i>	<i>Batang Berjuntai</i>
<i>Tasik Gelugur</i>	<i>Batu Berendam</i>
<i>Teluk Cempedak</i>	<i>Batu Buruk</i>
<i>Terung</i>	<i>Batu Kawan</i>
	<i>Batu Untung</i>
<b>b) Haiwan dan hidupan lain</b>	<i>Bukit Berapit</i>
<i>Batu Gajah</i>	<i>Bukit Beruntung</i>
<i>Bukit Naga</i>	<i>Bukit Tinggi</i>
<i>Pantai Remis</i>	<i>Kampung Budiman</i>
<i>Pulau Angsa</i>	<i>Kampung Indah</i>
<i>Pulau Ketam</i>	<i>Kampung Jaya</i>
<i>Pulau Singa</i>	<i>Kampung Sentosa</i>
<i>Sungai Bakap</i>	<i>Pasir Panjang</i>
<i>Sungai Buaya</i>	<i>Pasir Putih</i>

Rantau *Panjang*  
Salak *Tinggi*  
Sungai *Besar*  
Taman *Gembira*  
Taman *Kencana*

Taman *Megah*  
Taman *Saujana*  
Tanah *Merah*  
Tanjung *Belanja*

## LAMPIRAN 5

Senarai nama berdasarkan unsur yang berikut:

1. Nama Buah-buahan	37
2. Nama Bunga dan Pokok Hias	39
3. Nama Palma	46
4. Nama Pokok Hutan	48
5. Nama Burung	66
6. Nama Haiwan	71
7. Nama Ikan Air Tawar	74
8. Nama Hidupan Laut dan Ikan Laut	77
9. Nama Tarian	81
10. Nama Permainan Rakyat	83
11. Nama Silat dan Istilah yang Berkaitan	85
12. Nama Peralatan Tradisional	86
13. Nama Alat Muzik Tradisional	88
14. Nama Senjata Tradisional	90
15. Nama Tokoh Sejarah dan Dalam Sastera	92
16. Nama Tempat Sejarah	94
17. Nama Batu-batuan dan Mineral	95
18. Nama Pekerjaan	97
19. Nama Bintang/Astronomi	99
20. Kata-Kata Sastera/Klasik	101

## LAMPIRAN 5 (1)

### NAMA BUAH-BUAHAN

amra	duku langsat
asam gelugur	durian
asam jawa	durian belanda
asam kandis	jambu air
asam kumbang	jambu air mawar
bacang	jambu air merah
bangkung	jambu batu
belimbing	jambu bertih
belimbing buluh	jambu bol
belimbing masam	jambu gelas
berangan	jambu lilin
betik	jambu mawar
bidara	jambu semarang
binjai	jentik-jentik
binjai manis	jentik-jentik merah
binjai masam	
buah melaka	kandis
buah pala	kedondong
buni	kelat layu/mertajam
cempedak	kelumpang
cerapu	kembang semangkuk
cermai	kemeto
cermai belanda	kenari
ciku	kepayang
delima	kerandang
	keranji

kerian	pisang awak
kerkup	pisang batu
kuini	pisang biji
kulo	pisang benggala
kundang manis	pisang berangan
langsat	pisang emas
langsat embun	pisang embun
langsat hutan	pisang kapas
lanjut	pisang lemak manis
larah/tampoi	pisang nangka
lenggai	pisang raja
limau	pisang rastali
limau cembul	pisang rotan
limau cula	pisang susu
limau kasturi	pisang tanduk
limau nipis	pisang udang
limau tambun	pulasan
lotong	rambai
mangga	rambai hutan
manggis	rambutan
marang	rasem
markisa	rawa
mata kucing	redan
melaka	remia
melinjau	rukam
mentega	rukam manis
mertajam	salak
miku	salam
mundu	sauh
nam-nam	sentul
nanas	sepam
nangka	sukun
nona kapri	tampoi
nona seri kaya	tembakai
perah	tembakai wangi
pisang	tempunik

## LAMPIRAN 5 (2)

### NAMA BUNGA DAN POKOK HIAS

adenium merah	altenantera kuning
adiantum	andira
afgekia putih	angelonia
agaf	anggerik
agaf kuning	angsana
agaf putih	anturium daun cuping
agaf sisal	anturium flamingo
aglaia wangi	anturium kristal
agonema	ara beringin
akalifa	ara biola
akalifa ekor kucing	ara inai
akalifa siam	ara india
akasia daun lebar	ara jalar
akasia kelabu	ara jambu
akasia kuning	aristolokia hutan
akasia rici	aristolokia kaliko
alamanda	arukaria
alamanda kuning	arukaria pagoda
alamanda ungu	asistasia
alokasia keris	asistasia besar
alokasia lowi	asoka
alokasia senteh	asparagus paku-pakis
alokasia senteh putih	asparagus sprengeri
alpinia merah	asplenium
alpinia putih	atenantera merah
altenantera	ati-ati

ati-ati ungu	bunga telang
baleria biru	bunga tiga bulan
balsam	bunga tonkeng
balung ayam	bunga tudung
banat	bunga turki
bauhinia putih	bunga zifir kuning emas
bauhinia ungu	bunga zifir merah
bayam bunga	bunga zifir putih zinia
bayas	bungur inai
bebaru	bungur raya
begonia	bungur siam
benalu merah	cabai tali
berus botol	cekur hutan
bignonia ungu	cemara laut
bindang	cemara sumatera
bogak	cemara tukung
bogak jepun	cempaka
bogak siam	cempaka embun
brownnea	cempaka hutan
brunfelsia biru	cempaka kuning
brunfelsia kuning	cempaka pisang
buginvila	cempaka putih
buginvila daun lebar	cempaka telur
buluh pagar	ceraka biru
bunga bertih	colok cina
bunga butang	congea merah
bunga cina	congea putih
bunga emas	culan
bunga kembang songsang	dahlia
bunga kertas	daun payung/daun sal
bunga kesidang	dedalu cina
bunga loceng	dedap kuning
bunga matahari	dedap merah
bunga merak	dedap ungu
bunga pekan	diantus/bunga turki
bunga raya	difenbakia
bunga raya kuncup	drasina
bunga raya sharon	drasina buluh
bunga raya tanglung	drasina daun runcing
bunga tanjung	drasina jalur putih

drasina jampuk	helikonia bunga kuning
drasina linden	helikonia bunga merah
drasina tompok putih	helikonia daun lebar
drimiopsis bintik	helikonia daun merah
duranta	helikonia lelipan
duranta putih	helikonia sepit ketam
ehretia	hemantus
ekskokaria merah	hemigrafis merah
episia	hidnokarpus
eufobia duri	hidrangea
eufobia merah	himenokalis labah-labah
eufobia natal	hipistrum
eufobia sesudu	hipistrum hibrid
eufobia sesudu besar	hujan-hujan
eufobia tentulang	hura
eurikalis sepenuh	iksora jawa/siantan
filantus	iksora putih
filisium	inai
filodendron	jakaranda
fimiana mata lembu	jakobinia
fitonia merah	jakobinia kuning
fitonia putih	jakobinia merah
fukraea	jakobinia ungu
fukraea kuning	jambu laut
galfimia kuning emas	jarak batu karang
gardenia jasmin	jarak biola
gardenia kedah	jarak buncit
gelam hutan	jarak pagar
gerbera	jarum-jarum/siantan
gerenyung	jati
ginura baldu	jati luat
ginura baldu ungu	jelupang
gladulus	jenaris
glirisidia	jenjuang
gloriosa kuning	jering madras
gloriosa merah	juniper
gomfrena	kaca piring
graptofilum	kalatea
gustavia	kaliandra merah

kaliandra rimbun	keramak bunga
kaliandra surinam	keriting
kalistemom	kesumba
kana	ketapang
kana biji tasbih	kiambang
kana hibrid	klerodendrum
kana isi	klerodendrum nutan
kapentria	klerodendrum pagoda
karisa kerandang	klerodendrum perang
kasia biflora	klerodendrum putih
kasia gelenggang	klimatis
kasia johor	klitoria biru
kasia kuning	klorofitum
kasia lampai	kodilina
kasia merah jambu	kopsia merah
kasia payung	kordia
kasia sena	kosmos kuning
katesbia duri	kosmos ulam raja
kayu manis	kostus
kayu teja	kostus jawa
kayu ulas	kostus setawar
keembung	kostus zebrina
kekwa	krinum
keladi	krinum bakung
keladi bunting	krinum putih
keladi itik	krinum ungu
keladi putih	criptostegia merah
kelapa	criptostegia putih
kelempayan	krisantemum
kelumpang	krisotemis
kelumpang burung	krosandra
kembang emas	kroton
kemboja kuning	kuamoklit
kemboja merah	kuasia
kemuning	kufia
kemunting cina	kuikalis
kenanga	kumbar
kenanga renek	kupresus
kepau	langkap
kepau kecil	lantana
kerak nasi/sambukus jawa	lantana jalar

lanutan	pandan kuning
latan biru	pandan laut
latan kuning	pandan pigmi
latan merah	pandorea
lidah buaya	pandorea merah
lidah buaya cina	pandorea putih
linak	pandorea ungu
lonisera	panggil-panggil
 	papirus
magnolia telur	pasiflora
mahagoni	pasiflora merah
malfigia	pecah periuk
maman bunga	pecah periuk/siantan
mambu	pedilanthus
maranta	pedilanthus putih
maranta jalur putih	pelonia
mawar	penaga laut
melampodium kuning	penaga lilin
melur	pentas merah
melur hutan	pentas merah jambu
mempari	peperomia sanders
mindi kecil	petrea merah
mirabilis	petrea ungu
misai kuning	pilea perak
monokoria	pisang kipas
monokoria kecil	pisang sebiak
monstera	pokok kapas kuning
musenda kuning	pokok langsuyur
musenda merah	pokok lelipan
 	pokok kayu putih
nanas kerang	pokok peiuru meriam
 	pokok reben
odontadenia kuning	polipodium
okna kuning	polisia kuning
oleander	polisia lampai
oleander wangi	polisia tandah umbun
 	pometia kasai
paku gajah	pong-pong
palisias putih	pong-pong laut
pancut-pancut	porana wangi
pandan daun lebar	potulaka
pandan jalur kuning	puding

putat laut	saraka Taiping
rabuk	semarak api
rabuk gunung	semenderasa
randia hutan	semenderasa wilis
randia putih	senduduk jalar
rapis besar	sentang
rapis kecil	sepit udang
ravenia	seri gading
reminggu	seri pagi jalar
reo jalur kuning	seri pagi perak
reo ungu	seri pagi renek
resam	seringin
ribu-ribu	seroja merah
rivia	seroja putih
ros/mawar	setada
ru	setawar/seringin
ru sumatera	setkrisia ungu
rumput bermuda	siantan/iksora jawa
rumput rawa	siatula
rumput serangun	simpuh air
rumput singlap	simpuh tipur
rumput tikar	sindapsus kuning
rumput kerbau	singonium
ruselia	siningia
ruselia letup-letup	sisus sirih
	sisus ungu
sadu	solandra kuning
saga	solandra kuning emas
sagittaria	spatifilum wangi
sakat-sakat	stefonotis wangi
salvia	stigmatofillum
sambang merah	stigmatofillum kuning emas
sambukus Jawa	strofantus ungu
sankezia kuning	strongilodon
sankezia	sukun
sansiviria tanduk	sulang
sansiviria tetombak	sundal malam
sansiviria tetombok kuning	susun kelapa
santalia	susun kipas
saraka merah	syagrus
	tabung kayu

tal	tulang daing
tanglin	tunbegia
tapak kuda	tunbegia biru
tekoma kuning	tunbegia putih
tekomaria kuning	tunera kuning
telinga gajah	tunera putih
telipuk	ubi gereda
telur belangkas	vitis
tembusu	wedelia
teratai	xantosoma putih
terung pokok	zebrina jalar
terung tetek kambing	
titonia	
torenia biru	
tristelatia	

## LAMPIRAN 5 (3)

### NAMA PALMA

asam paya	kelubi
bayas	kepau
babasu	kepau kecil
bertam	keriting
bindang	keriting seram
dangsa	kumbar
daun payung	kurma
dudar	kurma liar
enau	kurma renek
gebang	kurma rubelini
hidriastela	langkap
ibul	latan biru
ibus	latan kuning
kabung	latan merah
kabung jaka	legong
kapentaria	lontar
kelapa	loulu
kelapa bali	mauritia
kepala gading	nibung
kelapa laut	nipah
kelapa mawar	normanbia
kelapa puyuh	nyiur
kelapa sawit	palas

palas daun bulat	pinang penawar
palas duri	pinang raja
palas gereneh	pinang rumput
palas kipas	pinang sirih
palma asai	rabuk
palma bakaba	rabuk gunung
palma botol	rapis besar
palma buluh	rapis kecil
palma diraja	rumbia
palma gading	rotan
palma Iskandar	rotan sega
palma kipas	rotan manau
palma kubis	sabal
palma lata	sabal kecil
palma latanir	sal
palma perak	salak
palma puteri	salak hutan
palma sagisi	seje
palma segi tiga	serdang cina
pewa	serdang daun bulat
